

24/11/1998

Hasrat BN kempen guna Internet disambut baik

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelbagai pihak memberi reaksi positif berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Barisan Nasional (BN) mungkin menggunakan Internet dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

Semalam, Perdana Menteri berkata, penggunaan Internet perlu untuk menangkis serangan kotor parti pembangkang melalui media itu.

Cadangan beliau disokong Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga tidak menolak kemungkinan parti itu menggunakan Internet dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata cadangan menggunakan Internet memang baik dan dapat membantu penyebaran maklumat dengan berkesan khususnya bagi kempen pilihan raya.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, kempen pilihan raya kini sudah berjalan dan pihaknya akan mempertingkatkan usaha berkenaan agar memastikan kejayaan BN dalam pilihan raya akan datang.

Bagaimanapun, beliau berkata, kempen penerangan ke peringkat akar umbi dan bertemu rakyat masih penting kerana rakyat mahu melihat sendiri calon yang akan bertanding.

Sementara itu, Naib Presiden Mimos Berhad, Dr Muhamad Awang Lah berkata, Internet adalah satu saluran platform penyebaran maklumat yang berkesan kerana boleh disebarkan di seluruh dunia dan penggunaannya lebih meluas.

"Internet bukan saja boleh digunakan untuk menyebarkan pelbagai bentuk maklumat seperti pendidikan dan sains tetapi boleh digunakan untuk menyampaikan mesej politik dengan mudah dan pantas," katanya di sini, hari ini.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Dr Hamdan Adnan menyifatkan cadangan menggunakan Internet wajar dan bertepatan pada waktunya bagi komponen BN menangkis serangan kotor parti pembangkang.

Menurutnya, walaupun undi rakyat rahsia tetapi rakyat memerlukan saluran maklumat yang betul dan penggunaan Internet dapat membantu menyampaikan mesej berkesan.

Beliau yang juga pensyarah kanan Fakulti Sebaran Am, Institut Teknologi Mara, Shah Alam yakin mesej yang disampaikan mampu diterima dengan jelas sekiranya usaha gigih dan berterusan dilaksanakan oleh pihak terbabit, terutama komponen BN.

Pensyarah Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ghazali Mayudin pula berpendapat mesej yang hendak disampaikan kemungkinan hanya diterima oleh mereka yang memiliki kemudahan itu sahaja.

Bagaimanapun, Internet adalah salah satu alternatif atau saluran tambahan dalam membantu kempen politik secara berkesan selain menggunakan saluran biasa seperti kempen penerangan, poster dan ceramah.

(END)